

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 FEBRUARY 2017

Kejayaan *Food Flotilla for Myanmar* hasil komitmen PM

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
hussaini.amran@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Feb. - Misi kemanusiaan Malaysia, *Food Flotilla for Myanmar* berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk membantu etnik Rohingya, hasil usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sehari selepas menyuarakan kecaman secara terbuka terhadap penindasan dan kekejaman terhadap etnik Rohingya di Myanmar dalam ucapan penggulungan Perhimpunan Agung UMNO 2016 pada 3 Disember lalu, Najib yang juga Presiden UMNO menghadiri Himpunan Solidariti Ummah Untuk Rohingya di Stadium Titiwangsa di sini keesokannya.

Perhimpunan yang melambangkan keprihatinan umat Islam di negara ini terhadap nasib yang menimpa saudara seagama di Myanmar itu turut menyaksikan kerjasama erat antara kepimpinan UMNO dengan Pas dalam membela ummah.

Najib bersama Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang serta para pemimpin utama kedua-dua parti antaranya Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man menduduki sepentas untuk sama-sama menyertai himpunan tersebut.

Perhimpunan yang melambangkan keprihatinan umat Islam di negara ini terhadap nasib yang menimpa saudara seagama di Myanmar itu turut menyaksikan kerjasama erat antara kepimpinan UMNO dengan Pas dalam membela ummah."

Permuafakatan UMNO dan Pas untuk membantu etnik Rohingya tidak terhenti di situ, sebaliknya ia diteruskan dengan penghantaran misi *Food Flotilla for Myanmar* yang diketuai Presiden Kelab Putera 1Malaysia (KP1M), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dengan kerjasama Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim), Mohd. Azmi Abdul Hamid.

Perdana Menteri sekali lagi memperlihatkan komitmennya dengan menyempurnakan pelepasan kapal Nautical Aliya yang membawa kira-kira 2,000 tan pelbagai barangan keperluan bersama Tuan Ibrahim di Pelabuhan Klang dekat sini pada 3 Februari lalu.

Kapal yang membawa misi *Food Flotilla for Myanmar* itu seterusnya mengharungi Selat Melaka, Laut Andaman dan Teluk

Bengal dalam pelayaran menuju Yangon, Myanmar serta Teknaf, Bangladesh.

Pelbagai cabaran terpaksa ditempuh sepanjang 11 hari pelayaran termasuk faktor cuaca sehingga menyebabkan Nautical Aliya yang sepatutnya berlabuh di Pelabuhan Yangon pada 7 Februari lalu, tiba lewat sehari daripada jadual asal.

Pelayaran untuk menyempurnakan fasa kedua misi pada mulanya tidak dibenarkan oleh kerajaan Bangladesh untuk memasuki Pelabuhan Teknaf sebelum akhirnya diberi kelulusan berlabuh di Pelabuhan Chittagong.

Bagaimanapun atas faktor keselamatan hanya 25 sukarelawan sahaja diberi visa ketibaan (VOA) bagi membolehkan mereka mendarat dan memasuki kem pelarian Kutupalong di Cox's Bazar.

Manakala kerajaan Myanmar pula yang mulanya membantah pendirian Malaysia terhadap isu Rohingya, akhirnya memberi kerjasama kepada misi *Food Flotilla for Myanmar*. Malah tentera Myanmar turut berundur dari utara Rakhine setelah menduduki wilayah berkenaan sejak empat bulan lalu.

Selain menyalurkan bantuan kemanusiaan, misi *Food Flotilla for Myanmar* yang menerima komitmen sepenuhnya daripada Perdana Menteri itu juga telah menamatkan penderitaan yang ditanggung etnik Rohingya.

UM - 19/2/2017